



**PTS Media Group Sdn. Bhd.** (173482-A)  
[pts.com.my](http://pts.com.my)

No. 12, Jalan DBP,  
Dolomite Business Park,  
68100 Batu Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
**Tel : +603-6188 0316**  
**Faks : +603-6189 1316**

## **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

### **BUKU EKSISTENSI**

Selepas *Simulasi*, Lokman Hakim kembali dengan buku genre sains fiksyen terbaru, *Eksistensi*. Karya terbitan Penerbit X ini mengisahkan pertembungan dunia manusia dan robot ataupun *cyborg*. Eksistensi yang membawa maksud kewujudan, menampilkan dua kisah dalam satu naskhah. Kisah kewujudan misi memanusiakan robot dan merobotkan manusia yang akhirnya mengakibatkan krisis identiti.

Dengan 368 halaman, pembaca dibawa ke sebuah kota tanpa agama, iaitu wang ringgit adalah Tuhan. Penghuni kota itu rata-rata bersifat robot, manakala robot ciptaan mereka pula berjiwa manusia. Naskhah ini akan membuka pintu imaginasi pembaca melalui perjuangan ‘seorang’ *cyborg* yang perlu mengambil alih tugas kemanusiaan, mengajar manusia untuk menjadi manusia.

Situasi manusia yang wujud, tetapi mati jiwanya sedikit sebanyak memberi gambaran kepada realiti hari ini apabila manusia hilang rasa belas kasihan kerana situasi yang menghimpit mereka. Siapa sangka pada masa akan datang, manusia memerlukan robot bagi mewujudkan semula jiwa mereka yang hilang.

Dapatkan juga naskhah sains fiksyen seperti *Transgenesis*, *Imagikata*, *Anarkis*, *Aristokra*, *Opera Angkasa*, *Galaksi Mukhsinin* dan *Jintina* daripada Penerbit X!

**AMIRATUL AWATIF GHAZALI**

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)